

# IQRA'

Bil. 6/2022  
JUN

eISBN : 2735-1920

## Selamat Datang

Pengarah, Bahagian Hal Ehwal Islam (BHEI)  
ke  
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)  
03 Jun 2022 (Jumaat) | 9.30 Pagi  
Bilik Mesyuarat Utama, PTAR

*Kunjungan Hormat PTAR Ke Atas Pengarah BHEI  
PTAR SHAH ALAM - m/s 5*

Lawatan Dan Mesyuarat Program Khidmat Masyarakat  
**PROGRAM TRANSIT ILMU  
BIL 2 /2022**  
BERSAMA WAKIL  
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka  
Pejabat Pendidikan Daerah Alor Gajah  
SK Alor Gajah 1  
SK Lendu  
SK Dato' Nanning  
SMK Dato' Haji Taib Karim  
SMK Dato' Idris Said  
SMK Seri Pengkalen  
15 Jun 2022 2:30 petang  
PTAR UiTM  
Cawangan Melaka  
Kampus Alor Gajah

*Program Transit Ilmu Bil. 2/2022  
PTAR ALOR GAJAH - m/s 14*

**BENGKEL  
PENYEDIAAN  
PROFIL PENYELIDIK**  
22 JUN 2022 (RABU)  
10:00 PAGI  
PLATFORM:  
CISCO WEBEX  
CIK NOR AZHINA KASSIM  
CIK HAZLIN IBRAHIM KHAN  
PUSAT KAWAN KAMAN  
PTAR UiTM CAWANGAN MELAKA

*Program Penyediaan Profil Penyelidik  
PTAR MACHANG - m/s 19*

Gambar-gambar sepanjang gotong-royong dijalankan

*Gotong-Royong Pelupusan Perabot  
PTAR PULAU PINANG - m/s 22*

**PROGRAM  
READ  
@UiTM**  
PTAR SERI ISKANDAR  
22-23 JUN 2022  
8.30 PAGI - 4.30 PETANG  
BOOK REVIEW | E-SPORTS (FIFA) | KAHOOT!  
UNO STACKO | PICK-UP STICK | CONGGAK

*Program Read@UiTM PTAR Seri Iskandar 2022  
PTAR SERI ISKANDAR - m/s 30*

## PROMOSI@PTAR

Do you have questions regarding reference material?  
**CHAT  
WITH  
LIBRARIAN**  
To help you with your  
OPEN AND DISTANCE LEARNING (ODL)  
<https://librarians@uiutm.my/#chat>

**IQRA  
BULLETIN**  
Pusat Perpustakaan  
Tun Abdul Razak  
Kampus Seri Iskandar  
30010 Seri Iskandar  
Perak Darul Ridzuan



# MOBILE LIBRARY @ PTDI2U ANJURAN PERPUSTAKAAN TUN DR ISMAIL CAWANGAN JOHOR KAMPUS SEGAMAT 12, 14, 21 JUN 2022

Disediakan oleh: Roslan Mohd Nor



Read@UiTM melalui program Mobile Library @ PTDI2U telah berjaya dilaksanakan sekitar bulan Jun 2022. Program ini merupakan kesinambungan Program Kembara Fiksyen yang telah dilaksanakan pada tahun 2021. Mobile Library @ PTDI2U ini antara usaha dan inisiatif yang dilakukan oleh PTDI bagi mempromosi perkhidmatan perpustakaan secara terus kepada pengguna di sekitar UiTM Kampus Segamat. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah mempromosikan buku-buku terbaru di PTDI, menggalakkan peminjaman buku, konsultasi dan penerangan berkaitan perkhidmatan digital dan kemudahan Perpustakaan sama ada yang baharu atau yang sedia ada.

Berikut antara lokasi Mobile Library @ PTDI2U :

TARIKH	UNIT/BAHAGIAN
12 Jun 2022 (Ahad)	Unit Kesihatan Sri Penawar & Bahagian Infostruktur
14 Jun 2022 (Selasa)	Bahagian Pengurusan Fasiliti
21 Jun 2022 (Selasa)	Pejabat Kolej Kediaman A, B & C



Staf Perpustakaan yang terlibat bagi menjayakan program ini adalah, Ketua Unit Perkhidmatan Perpustakaan, Ketua Unit Perpustakaan Digital dibantu oleh semua staf Unit Perkhidmatan Perpustakaan, seorang staf Unit Arkib Cawangan dan juga 2 orang pelajar latihan industri. Seramai 34 orang staf telah membuat pinjaman buku dengan jumlah pinjaman sebanyak 103 naskah. PTDI telah memberi cenderahati kepada mereka yang terlibat sebagai tanda penghargaan dan sokongan yang telah diberikan.

Penganjuran program ini diharap dapat menggalakkan pembudayaan membaca dalam kalangan warga kampus. Selain itu, penganjuran program ini dapat meningkatkan lagi statistik peminjaman buku serta mendekatkan perpustakaan dengan komuniti kampus dengan membawa bahan bacaan dengan lebih dekat dengan golongan sasaran. Pihak Perpustakaan sekali lagi merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Bahagian/Unit yang terlibat, atas sokongan yang diberikan.

